

UNTUK SIARAN SEGERA

19 Julai 2024



**PELAKSANAAN KUTIPAN TOL LEBUHRAYA WCE SEKSYEN 11
(TAIPING SELATAN – TRONG - BERUAS)**

TAIPING, 19 Julai 2024 – West Coast Expressway (WCE) hari ini mengumumkan bahawa Jajaran Seksyen 11 (Taiping Selatan – Trong – Beruas) akan melaksanakan **kutipan tol bermula jam 12.01 tengah malam, 24 Julai 2024 (Rabu)**.

Jajaran sepanjang 35.5km ini telah beroperasi secara percuma, sejak dibuka secara rasmi pada 12 Mac 2024 oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexandar Nanta Linggi.

Kadar Tol dan Kaedah Pembayaran

Kutipan tol Seksyen 11 ini akan dilaksanakan secara elektronik sepenuhnya menggunakan kad Touch 'N Go, Smart Tag (Plaza Tol Taiping Selatan & Lekir sahaja), dan RFID. Berikut adalah kadar tol mengikut kelas kenderaan yang telah ditetapkan:

Kadar Tol Mengikut Kelas Kenderaan (Plaza Tol Taiping Selatan)



PLAZA TOL KELUAR	KELAS 1	KELAS 2	KELAS 3	KELAS 4	KELAS 5
LEKIR	RM13.12	RM26.24	RM39.36	RM6.56	RM9.84
SITIAWAN	RM12.95	RM25.91	RM38.86	RM6.48	RM9.72
SITIAWAN UTARA	RM11.44	RM22.88	RM34.32	RM5.72	RM8.58
CHANGKAT CHERMIN	RM9.30	RM18.60	RM27.90	RM4.65	RM6.98
BERUAS	RM6.06	RM12.11	RM18.17	RM3.03	RM4.54
TRONG	RM1.88	RM3.75	RM5.63	RM0.94	RM1.41
SILA PASTIKAN BAKI KAD MENCUKUPI					



TALIAN INFO WCE (24 JAM) : 1700-81-6600

Kadar Tol Mengikut Kelas Kenderaan (Plaza Tol Trong)



PLAZA TOL KELUAR	KELAS 1	KELAS 2	KELAS 3	KELAS 4	KELAS 5
LEKIR	RM12.53	RM25.05	RM37.58	RM6.26	RM9.40
SITIAWAN	RM11.55	RM23.11	RM34.66	RM5.78	RM8.67
SITIAWAN UTARA	RM10.04	RM20.08	RM30.12	RM5.02	RM7.53
CHANGKAT CHERMIN	RM7.87	RM15.74	RM23.60	RM3.93	RM5.90
BERUAS	RM4.69	RM9.38	RM14.07	RM2.35	RM3.52
TAIPING SELATAN	RM1.88	RM3.75	RM5.63	RM0.94	RM1.41
SILA PASTIKAN BAKI KAD  MENCUKUPI					



TALIAN INFO WCE (24 JAM) : 1700-81-6600

Pengguna dinasihatkan untuk memastikan baki e-wallet dan kad Touch 'N Go mencukupi sebelum memulakan perjalanan bagi mengelakkan sebarang kesulitan semasa melalui plaza tol.

Maklumat Lanjut dan Khidmat Pelanggan

Untuk maklumat lanjut mengenai kadar tol dan cara pembayaran, sila layari laman web WCE atau muat turun aplikasi WCE App. Jika anda menghadapi sebarang masalah dengan pembayaran tol, sila hubungi WCE infoline di 1700 81 6600 atau emel info@wce.com.my

Tentang Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE)

Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) adalah projek lebuh raya utama di Malaysia sepanjang 233km dari Banting, Selangor hingga ke Taiping Selatan (Changkat Jering), Perak. Apabila siap sepenuhnya kelak, ia akan berfungsi sebagai nadi penting pengangkutan, yang akan menghubungkan bandar-bandar di sepanjang pantai barat Semenanjung Malaysia.

KENYATAAN RASMI

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Syed Mohammed Idid Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Strategik & Libat Urus West Coast Expressway Sdn Bhd Tel Bimbit: 012 378 2728 Tel Pejabat: 03 3082 1957 Infoline: 1700-81-6600 Emel: syededid@wce.com.my	Hail Roshman Ahmad Pegawai Kanan Jabatan Komunikasi Strategik & Libat Urus West Coast Expressway Sdn Bhd Tel Bimbit: 012 325 5394 Tel Pejabat: 03 3082 1977 Infoline: 1700-81-6600 Emel: hail@wce.com.my
--	---